KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

MPKS

PEHARTA

# KAUNTER SEMAK TIMBANGAN LAYAN DIRI

***"Pastikan anda dapat apa yang anda bayar"***

**LAPORAN INOVASI KUMPULAN PEHARTA**
**JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA,**
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR DAN**
**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**
**CAWANGAN KUALA SELANGOR**

## 1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Tujuan kumpulan ini ditubuhkan adalah bagi mencipta inovasi yang memudahkan pembeli membuat semakan semula timbangan barang belian di pasar-pasar awam dan menyediakan satu saluaran aduan yang mudah. Oleh itu, satu inovasi di bawah bidang penyampaian perkhidmatan kategori inovasi penciptaan telah dicipta hasil gabungan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna cawangan Kuala Selangor (KPDNHEP) iaitu **"KAUNTER SEMAK TIMBANGAN LAYAN DIRI".**

Objektif inovasi ini dijalankan adalah untuk mengurangkan jumlah aduan yang terima oleh KPDNHEP berkaitan masalah timbangan di pasar-pasar awam milik Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Peniaga di pasar-pasar awam ini terikat dengan Perjanjian Sewaan. Oleh itu, pemantauan juga perlu dilaksanakan oleh pihak majlis bagi memastikan penyewa tidak melanggar syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian dan yang paling penting pembeli akan merasa selesa serta berpuashati untuk membeli barangan d premis-premis awam di Daerah Kuala Selangor.

Hasil pelaksanaan produk inovasi ini telah berjaya memberikan impak positif kepada pembeli atau pengunjung yang hadir ke pasar awam terutamanya Pasar Awam Pasir Penambang dapat dilihat dari pelbagai sudut tertutamanya dari segi timbangan yang tepat, kepuasan pelanggan dan sekali gus meningkatkan imej jabatan.

Justeru itu, produk ini dapat mewujudkan perkhidmatan yang efisien dan efektif selaras dengan permodenan sistem pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). Bagi tujuan pengkomersialan, Kaunter Semak Timbangan Layan Diri (KASTILD) ini boleh didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sebagai hak cipta terpelihara Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

## 2. PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

### 2.1. PENGENALAN KUMPULAN

PEHARTA merupakan pihak yang berperanan dalam menguruskan harta – harta majlis meliputi urusan tawaran sewaan, tempahan, kutipan bayaran sewaan semasa dan tunggakan dan penyelenggaraan premis, stadium dan dewan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

#### 2.1.1 Nama Kumpulan

"PEHARTA"

#### 2.1.2 Senarai Nama Ahli Kumpulan

Kumpulan ini terdiri daripada 10 orang ahli kumpulan seperti berikut :

Fasilitator : Sr Salinda binti Jamil
Pengarah
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPKS

Ketua Kumpulan : Tuan Haji Muhamad Fathir bin Baharudin
Penolong Pegawai Penilaian
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPKS

Ahli Kumpulan :

| BIL. | NAMA AHLI KUMPULAN | NO. KAD PENGENALAN | JAWATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Mohd Zaiful bin Hassan | 800301-03-5289 | Penolong Pegawai Penguatkuasa , KP32 |
| 2. | Mohd Ridzuan bin Idris | 810604-03-5947 | Penolong Pgawai Penguatkuasa, KP29 |
| 3. | Nurul Afifah binti Emam Murhit | 870504-10-5068 | Pembantu Tadbir N19 |
| 4. | Muhammad Asyraf bin Mohd Masran | 901230-10-5691 | Pembantu Tadbir N19 |
| 5. | Kesavan a/l Vegjin | 900806-10-6239 | Pembantu Awam H11 |
| 6. | Isram bin Ismail | 731001-14-5965 | Pembantu Awam H11 |
| 7. | Kasmani bin Haji Amat | 620810-10-5777 | Pembantu Awam H11 |
| 8. | Aman Shah bin Yahya | 800913-10-5073 | Pembantu Awam H11 |
| 9. | Mohd Akmal bin Saidan | 851025-14-6299 | Pembantu Awam H11 |

#### 2.1.3 Carta Organisasi Kumpulan




#### 2.1.4 Logo Kumpulan

#### 2.1.5 Motto Kumpulan

"Memacu Ideologi"

### 2.2 Nama Projek / Inovasi

Kaunter Semak Timbangan Layan Diri (KASTILD).

### 2.3 Bidang dan Kategori projek

Inovasi penyampaian perkhidmatan

### 2.4 Sokongan dan Kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat

Produk ini telah mendapatkan sokongan dan kelulusan daripada Pengurusan Tertinggi MPKS serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia cawangan Kuala Selangor seperti dilampiran.



**Gambar 1:** Surat sokongan dan kelulusan daripada Pengurusan tertinggi MPKS serta KPDNHEP cawangan Kuala Selangor

## 3.0 SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

### 3.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN / ORGANISASI

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta merupakan Jabatan yang dipertanggungjawab untuk menguruskan harta-harta majlis termasuklah pasar-pasar awam di Daerah Kuala Selangor yang meliputi urusan tawaran sewaan, tempahan, kutipan bayaran sewaan dan tunggakan serta penyelenggaraan premis.

KPDNHEP seringkali menerima aduan berkaitan masalah timbangan di pasar-pasar awam milik MPKS dan tindakan penguatkuasaan akan terus diambil terhadap peniaga tersebut. Namun, peniaga ini terikat dengan Perjanjian Sewaan Premis MPKS, maka tindakan pemantauan juga perlu dilaksanakan bagi memastikan peniaga tidak melanggar syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian sewaan. Berikut merupakan kesalahan yang sering dilakukan oleh peniaga berkaitan Akta Timbang dan Sukat 1972 (AKTA 71):




**Gambar 2 :** Kesalahan Akta Timbang dan Sukat 1972 (AKTA 71)

### 3.2 Memenuhi Kehendak Pelanggan dan Pemegang Taruh *(Stake Holder)*

Sehubungan itu, bagi memelihara hak pembeli-pembeli di pasar-pasar awam dan mengurangkan peniaga melakukan penipuan timbangan berlaku berulang kali, satu inovasi melibatkan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia Cawangan Kuala Selangor telah dilakukan.

### 3.3 Sejajar Dengan Agenda Dan Matlamat Nasional



**Gambar 2 : Rangka Pelan Strategik ICT Sektor Awam**

Penghasilan produk ini selari dengan objektif **Pelan Strategik ICT Sektor Awam (PSICTSA) 2016 – 2020** iaitu merupakan aspirasi **Gagasan Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA)** yang meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan paling tinggi dalam sistem penyampaian Perkhidmatan Awam serta memberi tumpuan kepada penghasilan hasil yang baik dengan menjajarkan penggunaan teknologi dengan hala tuju bisnes sektor awam dan menaja pulangan nilai bisnes menerusi eksplotasi teknologi dan pelaksanaan ICT yang terancang di Sektor Awam. Ianya juga memenuhi **Dasar Transformasi ICT** yang diperkenalkan oleh **Unit Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)** dengan menyelaraskan dasar awam berkaitan bidang ICT bagi pemantapan penyampaian perkhidmatan, pengurusan inovasi serta pembudayaan nilai Sektor Awam dalam mengarusperdanakan penyampaian perkhidmatan kerajaan dan mempertingkatkan daya saing negara.

### 3.4 Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa

Revolusi Industri 4.0 atau lebih dikenali sebagai revolusi digital sedang pesat mewarnai kehidupan masyarakat dunia. Malaysia antara negara yang sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan Revolusi Industri 4.0 dimana ia melibatkan penggunaan Internet Kebendaan. Sejajar dengan perkembangan dan industri dunia, Kaunter Semak Timbangan Layan Diri merupakan satu inisiatif Jabatan Penilaiandan Pengurusan Harta dan KPDNHEP yang selari dengan perubahan teknologi dunia.

### 3.5 *Sustainable Development Goals (SDGs)*




Membina Infrastruktur Yang Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Yang Inklusif Dan Mampan, Dan Inovasi Merujuk Kepada Penggunaan Penimbang Digital




Mengurangkan Ketidakadilan Dalam Timbangan Pembelian Dengan Menggunakan Timbang Digital Yang Lebih Efisien.

### 3.6 Kaedah Pemilihan Projek dan Analisis

Dalam mentakrifkan masalah yang dihadapi oleh jabatan. Kumpulan ini menggunakan kaedah 5W + 1H seperti berikut:

| Strategi | Huraian |
|---|---|
| What | • Aduan yang diterima berkaitan penipuan timbangan jualan<br>• Tiada kemudahan untuk menyemak semula timbangan barang yang dibeli |
| Who | • Pembeli |
| Where | • Pasar Awam<br>• Pasar Malam |
| When | • Setiap hari |
| Why | • Kurangnya pemantauan dari Pihak Berkuasa Tempatan<br>• Mengurangkan keyakinan pembeli<br>• Peniaga masih menggunakan penimbang yang lama dan tidak mempunyai pengesahan SIRIM |
| How | • Memudahkan pembeli membuat semakan timbangan sebagai langkah berjaga-jaga |

Pihak jabatan jua telah mengenal pasti permasalahan dan isu berkaitan timbangan belian dengan mambuat satu tafsiran analisis menggunakan kerangka Empat Langkah **Eliminate, Reduce, Raise, Create (E.R.R.C)**
dalam NBOS seperti berikut:

| ELIMINATE | RAISE |
|---|---|
| • Peniaga meletakkan ais | • Penggunaan timbang digital yang lebih tepat |
| **REDUCE** | **CREATE** |
| • Penipuan<br>• Aduan | Kaunter Semak Timbangan Layan Diri |

**Jadual 1: Kerangka empat langkah**

### 3.7 Penyataan Sasaran Outcome dan Impak

Kumpulan PEHARTA telah membuat perbincangan bersama-sama bagi menjana idea-idea kreatif dalam menyelesaikan isu dan permasalahan proses kerja ini. Melalui produk ini, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta yakin bahawa masalah-masalah seperti pengurangan timbangan berat belian serta aduan dapat dikurangkan. Dalam hal ini, Jabatan ini juga telah menyediakan kod QR borang kaji selidik bagi mengkaji keberhasilan produk ini dan kod aduan.




**Gambar 3 dan 4 :** QR Qode dan Google Form yang telah dibangunkan.




**Gambar 5 dan 6:** Kod QR aduan

## 4.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

### 4.1 Strategi Penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools

Kumpulan PEHARTA telah mengenal pasti faktor kepentingan penggunaan KASTILD dengan kaedah perbincangan ***(Brainstorming).***

## 4.2 Penghasilan dan Pengujian Prototaip

### Sebelum Inovasi

Pembeli telah membeli barangan di pasar awam dan menimbang semula di rumah dan mendapati timbangan tidak mencukupi. Pembeli membuat aduan kepada KPDNHEP melalui panggilan telefon atau kaunter pejabat KPDNHEP.

### Selepas Inovasi

Pembeli boleh terus membuat semakan timbangan barangan yang dibeli dengan membawa barangan ke Kaunter Semak Timbangan Layan Diri (KASTILD) yang terletak di dalam kawasan pasar awam tersebut.

Jika pembeli mendapati timbangan berat barang yang dibeli tersebut tidak mencukupi, pembeli perlu mengambil gambar berat timbangan dan merujuk kembali kepada peniaga. Sekiranya peniaga menafikan terdapat kesilapan daripada pihaknya, pembeli boleh mengimbas Kod QR yang disediakan di KASTILD untuk membuat aduan melalui aplikasi *whatsapp* dan aduan tersebut akan terus dihubungkan ke KPDNHEP.

KPDNHEP akan menerima aduan dan terus menjalankan siasatan. Jika aduan didapati benar dan terdapat kesalahan di pihak peniaga, peniaga tersebut akan dikenakan tindakan.

Selain daripada itu, bagi tujuan penambahbaikan, panduan penggunaan turut dipaparkan di skrin paparan digital.

### Prototaip produk




**Gambar 7 :** Gambar Produk

### 4.3 Perakuan daripada pihak bertauliah / pihak berkuasa

Produk KASTILD telah mendapat perakuan dari pihak KPDNHEP cawangan Kuala Selangor.



**Gambar 8 :** Surat Perakuan dari KPDNHEP

### 4.4 Pelaksanaan inovasi

Prosedur Kendalian Standard atau Standard Operation Procedur (SOP) bagi produk ini telah dicipta sebagai panduan kepada pembeli menggunakan produk ini.




**Gambar 9 :** Carta Alir KASTILD

Kumpulan PEHARTA juga telah melaksanakan inovasi ini di Pasar Awam Pasir Penambang pada 27 September 2021 yang lalu.




**Gambar 10 :** Sesi penerangan produk




**Gambar 11:** Sesi temubual pembeli

**KEBERHASILAN PROJEK**

## 5.0 OUTCOME PROJEK DAN PEMBUKTIAN

### 5.1 Pencapaian Outcome dan Pembuktian

**Pencapaian Outcome dan Pembuktian**

Produk KASTILD ini adalah satu produk yang memudahkan pembeli untuk menyemak timbangan dan menyalurkan aduan ke KPDNHEP. Dimana apada awalnya pembeli hanya dapat menyemak timbangan di rumah dan tidak mengetahui saluran untuk membuat aduan.

Seterusnya dalam situasi tertentu, pembeli kadangkala menyalurkan aduan ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Pihak Majlis hanya dapat mengambil maklum perkara ini kerana ia bukan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Terdapat 13 aduan telah diterima oleh KPDNHEP cawangan Kuala Selangor sepanjang tahun 2018 sehingga 2020. Berikut merupakan bilangan dan status maklumat yang diterima:

| Bil | Akta | Tahun | Status Makluman Hasil Siasatan | | | Lain-lain Tindakan | Jumlah Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Bilangan Aduan | Bilangan Kompaun | Bilangan Saman | | |
| 1 | Akta Timbang Sukat 1972 | 2018 | 7 | 4 | 0 | 3 | 7 |
| | | 2019 | 3 | 0 | 0 | 3 | 3 |
| | | 2020 | 3 | 1 | 0 | 2 | 3 |
| | | | | | | Jumlah Keseluruhan | 13 |

**Jadual 2 :** Aduan yang telah diterima oleh KPDNHEP sepanjang 2018 hingga 2020

Selain itu, terdapat 287 kes yang telah dibawa ke mahkamah sepanjang tahun 2018 hingga 2020 seperti jadual berikut:

| Bil | Akta | Tahun | Bilangan Kes |
|---|---|---|---|
| 1 | Akta Timbang Dan Sukat 1972 | 2018 | 28 |
| | | 2019 | 48 |
| | | 2020 | 41 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 287 |

**Jadual 3 :** Kes yang telah dibawa ke mahkamah sepanjang 2018 hingga 2020

## 5.2 Faedah Sampingan (luar jangka)

Satu kajian telah dijalankan menggunakan *google form* yang telah disasarkan kepada Orang Awam bermula dari 03.03.2022 hingga 10.03.2022. Seramai 111 responden telah memberikan maklumbalas. Berikut merupakan keputusan soal selidik yang dijalankan.




**Gambar 12:** Pernah Membeli Barang Keperluan Di Pasar Awam




**Gambar 13:** Tahap Kepuasan Pembeli Dengan Timbangan Barang Yang Dibeli




**Gambar 14:** Pembeli Menyemak Semula Timbangan Barang Yang Dibeli Selepas Pembayaran Dibuat




**Gambar 15 :** Masalah Yang Anda Hadapi Semasa Membeli Barang Di Pasar Awam




**Gambar 16:** Jumlah Pembeli Yang Akan Membuat Aduan Sekiranya Berlaku Penipuan Timbangan




**Gambar 17 :** Pengetahuan Saluran Untuk Membuat Aduan




**Gambar 18 :** Peniaga Yang Melakukan Kesalahan Dalam Penipuan Timbangan Dikenakan Denda Yang Tinggi




**Gambar 19 :** Peratus Bersetuju Jika Disediakan Kaunter Semak Timbangan Di Pasar - Pasar Awam




**Gambar 20:** Pandangan Berkenaan Jenis Timbang Yang Sepatutnya Digunakan Oleh Peniaga Di Pasar Awam.




**Gambar 21:** Keseluruhan Pandangan Berkenaan Timbang Yang Digunakan Oleh Peniaga Di Pasar Awam

### 5.3 Kos Penyediaan Produk

Selain itu, kos yang digunakan untuk penyediaan produk KASTILD adalah sebanyak **RM1295.00.**



## 6.0 IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

### 6.1 Penilaian Impak dan Pembuktian

Berdasarkan carta 2 di atas, menunjukkan para pembeli lebih peka dengan timbangan pembelian dan peniaga pula menimbang dengan tepat.

### 6.2 Faedah Sampingan (luar jangka)

Produk ini dapat menjaga imej premis Majlis Perbandaran Kuala Selangor disamping dapat meningkatkan keyakinan pembeli untuk membeli terutamanya di pasar-pasar di Daerah Kuala Selangor. Seterusnya meningkatkan jumlah pengunjung yang datang ke Daerah Kuala Selangor serta meningkatkan ekonomi penduduk setempat.

## 7.0 POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

### 7.1 Penilaian Ketersediaan Teknologi / Sistem / Proses

Bagi memastikan produk ini dapat digunakan dengan lancar, satu penerangan telah dibuat kepada beberapa pembeli cara-cara menggunakan KASTILD ini. Proses penerangan dilaksanakan dalam tempoh yang singkat memandangkan produk ini mudah digunakan. Selain itu, KASTILD ini juga boleh ditambah baik daripada segi:

1. Meletakkan harga bagi memudahkan pembeli menyemak harga siling barang-barang jualan.

2. Produk ini juga boleh ditambah baik dengan membolehkan pembeli mencetak timbangan beserta harga bagi membolehkan pembeli menyemak dengan tepat pembayaran yang telah dikeluarkan.

Manakala beberapa perkara yang boleh dipertimbangkan dan diperkemaskan bagi produk ini adalah seperti berikut:

1. Mengasingkan timbang bagi barang halal dan tidak halal
2. Boleh mencetak resit timbangan dan harga
3. Mensyaratkan semua peniaga menggunakan alat timbangan yang telah diverifikasi oleh pihak SIRIM.

### 7.2 Tahap Replikasi atau Pengkomersialan

Kaunter Semak Timbangan Layan Diri (KASTILD) ini dapat meningkatkan keyakinan pembeli terutamanya pengunjung dari luar Daerah Kuala Selangor untuk membeli di pasar-pasar awam di Daerah Kuala Selangor.

Selain itu, faktor sampingan yang positif juga mampu meningkatkan kualiti dan hasil kerja yang baik seperti mengurangkan aduan terutamanya di bawah Akta Timbang Sukat 1972.

Bagi tujuan pengkomersialan, Kaunter Semak Timbangan Layan Diri (KASTILD) telah memohon paten dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sebagai hak cipta terpelihara Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

**Laporan disediakan oleh:**

..........................................

**(HAJI MUHAMAD FATHIR BIN BAHARUDIN)**
Ketua Kumpulan
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
**Tarikh :**

| BIL. | PERKARA | LAMPIRAN |
|---|---|---|
| 1. | BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022 | A |
| 2. | CABUTAN MINIT MESYUARAT KETUA-KETUA JABATAN BIL. 10/2021 | B |
| 3. | SURAT PELANTIKAN | C |
| 4. | PERSETUJUAN KERJASAMA UNTUK MENCIPTA PRODUK KAUNTER SEMAK IMBANGAN LAYAN DIRI ANTARA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR DAN KEMENTERIAN PERDAGAGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA CAWANGAN KUALA SELANGOR | D |
| 5. | PERSETUJUAN KERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN PERDAGAGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA CAWANGAN KUALA SELANGOR | E |
| 6. | VISI, MISI, STAKEHOLDER DAN PELANGGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR, | F |
| 7. | CARTA PERBATUAN KASTILD | G |
| 8. | PERAKUAN KAUNTER SEMAK TIMBANGAN LAYAN DIRI DARI KEMENTERIAN PERDAGAGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA CAWANGAN KUALA SELANGOR | H |
| 9. | CARTA ALIR MENERIMA ADUAN PENGGUNA DARI NEGERI / CAWANGAN | I |
| 10. | PERMOHONAN PENDAFTARAN PATEN | J |
| 11. | GAMBAR PEMBUATAN KASTILD | K |

| No : |
| --- |

(Untuk Kegunaan Pejabat)

**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022**

| LATAR BELAKANG KUMPULAN | |
| --- | --- |
| Nama Kumpulan | PEHARTA |
| Nama Organisasi | Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Kuala Selangor Dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Kuala Selangor |
| Alamat | Majlis Perbandaran Kuala Selangor<br>Jalan Majlis<br>45000 Kuala Selangor<br>Selangor Darul Ehsan |
| No Telefon & Faks | 03-32891439 / 03-32891101 |
| E - Mel | fathir@mpks.gov.my |
| Tarikh kumpulan ditubuhkan | 27 Ogos 2021 |
| Bilangan ahli | 10 Orang |
| Nama Ketua Kumpulan | Tuan Haji Muhamad Fathir Bin Baharudin |
| Nama Ahli | 1. Nurul Afifah Binti Emam Murhit<br>2. Muhammad Asyraf Bin Mohd Masran<br>3. Kesavan A/L Vegjin<br>4. Isram Bin Ismail<br>5. Kasmani Bin Haji Amat<br>6. Aman Shah Bin Yahya<br>7. Mohd Akmal Bin Saidan<br>8. Mohd Zaiful bin Hassan<br>9. Mohd Ridzuan bin Idris |
| Nama Fasilitator<br>(sekiranya ada) | Puan Salinda Binti Jamil |
| Nama projek | Kaunter Semak Timbangan Layan Diri |
| Bidang inovasi | Bidang Penyampaian Perkhidmatan |
| Kategori inovasi | Inovasi Penciptaan |
| Tarikh mula projek | 27 Ogos 2021 |
| Tarikh siap projek | 01 Oktober 2021 |

## PENGESAHAN KETUA JABATAN

**Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :**

i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada 29 Oktober 2021.

ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada 29 Oktober 2021.

**Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi** **Cop Jabatan / Agensi**

..........................................................................

RAHILAH BINTI RAHMAT A.M.S
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor

**Tarikh :** ..........................................

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

## PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)

**Pengesahan Panel :**

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada........................ dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

**Tandatangan Panel Penilai**

..........................................................................

**Nama :**

**No. Kad Pengenalan:**

**Jawatan/Gred:**

**Jabatan/Agensi:**

**No.Siri:**

**Tarikh:**

# MESYUARAT KETUA-KETUA JABATAN BIL. 10/2021
# MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 10 November 2021 (Rabu) |
| Masa | : | 9.30 petang |
| Tempat | : | Bilik Mesyuarat Malawati<br>Majlis Perbandaran Kuala Selangor |

HADIR

1. Puan Rahilah binti Rahmat *AMS* - Pengerusi
2. Puan Liliana binti Ahmad
3. Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini *PPT*
4. Sr Salinda binti Jamil
5. Encik Mohammed Zakir Husin bin Mohammed Zahid *PPC*
6. Encik Jefriee bin Abd. Manaf *PPC*
7. Encik Mohd Razali bin Abdul Mayas *PJK*
8. Puan Norazean binti Abdul Rahman
9. Encik Mohamad Lutfi bin Mislah Hudin
10. Cik Faezah binti Abd Aziz
11. Encik Anuwaa bin Muhamad Jalani
12. Puan Norrini binti Mohd Ladzim
13. Cik Nurul Saadah binti A. Wahab
14. Puan Siti Nur Shafiqah binti Rahmad
15. Encik Sazlan Hakeem bin Mazalan
16. Puan Wan Nurulnasuha binti Wan Ab Aziz

## 7.6 Pengurusan Kualiti

7.6.1 Mesyuarat dimaklumkan beberapa perkara yang perlu diambil maklum dan Tindakan seperti berikut:-

i. Pelan Strategik MPKS 2021-2025 telah di e-mel pada 2 September 2021 dan sekiranya terdapat sebarang pindaan pemakluman perlu dibuat kepada Unit Korporat dan Perhubungan Awam

ii. Data *Key Performance Indicator* (KPI) setiap jabatan / unit telah menghantar.

iii. Audit Dalaman EKSA Bil.2/2021 akan dilaksanakan pada 30 November 2021.

iv. Kumpulan Inovatif dan Kreatif telah selesai dan penganugerahan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

| Bil | Kumpulan | Jabatan / unit |
|---|---|---|
| 1. | Pe Harta | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 2. | I-Corp | Unit Korporat dan Perhubungan Awam / Unit Teknologi Maklumat |
| 3. | T & T ( Treasury & Technology) | Jabatan Perbendaharaan / Unit Teknologi Maklumat |
| 4. | YTT (Yesterday, Today, Tomorrow) | Jabatan Landskap |
| 5. | Bravo | Jabatan Perancangan Pembangunan / Jabatan Kawalan Bangunan / Jabatan Kejuruteraan / Unit Pelancongan |
| 6. | One For All | Jabatan Kawalan Bangunan |

v. Pengauditan Sijil MS ISO 9001:2015 dijadualkan akan dilakanakan pada 7Januari 2022. MKSP akan dilaksanakan pada bulan Disember 2021.

vi. Aduan Awam perlu diselesaikan sebelum bulan Jun 2022.

vii. Piagam Pelanggan Bulan September dan Oktober masih terdapat beberapa jabatan / unit masih belum membuat penghantaran.SPB-PBT setiap dokumen melengkapkan dan membuat penghantaran di dalam sistem.

**Tindakan: Setiap Jabatan / Unit**

## 8. PENANGGUHAN MESYUARAT

8.1. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh :-

..................................................

**MUHAMMAD AIMAN BIN MOHD AZLY**
Ketua Bahagian Pentadbiran Am
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Tarikh : 15/11/21

Disemak oleh :-

..................................................

**PUAN LILIANA BINTI AHMAD**
Timbalan Setiausaha
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Tarikh: 16/11/21

Disahkan oleh :-

..................................................

**RAHILAH BINTI RAHMAT AMS,**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Tarikh: 16/11/2021

مجليس دأيره كوالا سلاغور
**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**
JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : http://www.mdks.gov.my Email : ydp@mdks.gov.my

QUALITY SYSTEM SIRIM
IQNet
CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 01677

selangorku

Ruj.kami : (20) dlm.MDKS 233/86-1 JILID 5
Tarikh : 26 Mac 2021M
12 Sya'ban 1442H

**Sr. Salinda binti Jamil**
Pengarah
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Daerah Kuala Selangor

Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI FASILITATOR INOVATIF DAN KREATIF (KIK) DI JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR BAGI TAHUN 2021-2023**

Salam sejahtera dan dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa puan adalah dilantik sebagai Fasilitator Inovatif dan Kreatif (KIK) di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tahun 2021-2023.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor berharap agar pihak puan dapat melantik ahli jawatankuasa kecil di jabatan pihak puan untuk memberi sepenuh komitmen dan menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik mungkin.

Kerjasama dan perhatian yang sewajarnya amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

( RAHILAH BINTI RAHMAT *AMS.*,)
**Yang Dipertua**
**Majlis Daerah Kuala Selangor**

مجليس دايره كوالا سلاڠور
**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**
JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : http://www.mdks.gov.my Email : ydp@mdks.gov.my

CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 01677

Ruj. Kami : Bil. ( 9 )dlm. MDKS 144/25/186 Jl.d 3
Tarikh : 20 Julai 2021

**Tuan Haji Muhamad Fathir bin Baharudin**
Penolong Pegawai Penilaian
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Daerah Kuala Selangor

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI KETUA KUMPULAN, KUMPULAN INOVASI PEHARTA (HYBRID) DENGAN KERJASAMA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA CAWANGAN KUALA SELANGOR BAGI TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kumpulan PEHARTA (HYBRID) Dengan Kerjasama Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Majlis Daerah Kuala Selangor Dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Cawangan Kuala Selangor Bagi Tahun 2021

3. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor berharap agar pihak tuan dapat memberikan sepenuhnya komitmen dan menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik mungkin.

Kerjasama dan perhatian yang sewajarnya daripada pihak tuan amat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**
**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,

**(Sr SALINDA BINTI JAMIL)**
Pengarah Penilai,
b/p Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Selangor.
*NAEM/20.07.2021*

مجليس دأيره كوالا سلاڠور
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
JALAN MAJLIS, 45000 KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 03-3289 1439 / 03-3289 1549 / 03-3289 2340 Fax : 03-3289 1101 / 03-3289 3386
Portal : http://www.mdks.gov.my Email : ydp@mdks.gov.my

CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 01677

Ruj. Kami : Bil. ( 10 )dlm. MDKS 144/25/186 Jl.d 3
Tarikh : 20 Julai 2021

**Puan Nurul Afifah binti Emam Murhit**
Pembantu Tadbir
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Daerah Kuala Selangor

Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA KUMPULAN INOVASI PEHARTA (HYBRID) DENGAN KERJASAMA JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR DAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA CAWANGAN KUALA SELANGOR BAGI TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

